

800 tan metrik ikan mati

SH 30/8/2019 m/s 34

**Industri
penternakan
akuakultur Perak
hampir lumpuh**

KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN

PARIT BUNTAR

Kerajaan Perak mengakui industri penternakan akuakultur negeri itu hampir lumpuh susulan fenomena ikan ternakan sangkar mati di perairan Tanjung Pian-dang di sini sejak Isnin lalu mengakibatkan 24 pengusaha kerugian sekitar RM20 juta.

Exco Kemudahan Awam, Infrastruktur, Pertanian dan Perladangan Perak, Abdul Yunus Jamhari berkata, berdasarkan maklumat awal Jabatan Perikanan Negeri Perak, kejadian tersebut paling teruk dalam sejarah industri apabila jumlah ikan yang mati dianggarkan hampir 800 tan metrik.

Menurutnya, pihaknya sedang menunggu laporan siasatan daripada Jabatan Perikanan bagi melihat punca sebenar



Abdul Yunus (tiga dari kanan) melihat Ikan Jenahak yang mati di kolam penternakan milik Yoong Qin.

kejadian itu yang menyebabkan banyak spesies ikan seperti jenahak, merah, bawal, siakap, nyok-nyok dan sebagainya mati.

“Berdasarkan maklumat awal, Jabatan Perikanan tidak menolak kemungkinan kejadian berpunca daripada kemerosotan kualiti air sehingga menyebabkan peratusan oksigen terlarut dalam air begitu rendah.

“Keadaan itu mungkin di-

sebabkan kehadiran plankton dan alga yang dibawa arus ke kawasan sangkar sebelum ini ditambah dengan senario air laut mati ketika ini,” katanya ketika melawat kawasan sangkar penternakan akuakultur di perairan Tanjung Pian-dang di sini semalam.

Abdul Yunus berkata, satu perjumpaan khas akan diadakan antara pengusaha yang terjejas dengan agensi kerajaan seperti Jabatan Perikanan,

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan persatuan nelayan setempat bagi membincangkan kaedah terbaik membantu mereka.

Sementara itu, wakil pengusaha penternakan ikan sangkar, **Ang Yoong Qin**, 29, merayu kerajaan menyediakan bantuan pinjaman modal kepada pengusaha terjejas untuk membina semula industri penternakan akuakultur yang hampir terkubur di Kerian.